

July 2018



76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

PROGRAM FAMILY DAY D'BES DAN D'BANKERS

Oleh: Pressca Negin

Buat julung kalinya, kedua-dua program Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) UiTM Mukah iaitu BA111 dan BA119 berkolaborasi untuk menganjurkan Program *Family Day* D'BES dan D'BANKERS. Program tersebut dianjurkan oleh pelajar D'BES Semester 2 pada tahun ini dan ahli EXCO D'BANKERS. Program ini berjaya dijalankan pada tarikh 21 April 2018, di mana program bermula pada pukul 1.30 petang hingga 5.30 petang (sukaneka) dan seterusnya pada pukul 7.30 malam hingga 10.30 malam (makan malam) di Dewan Sri Balau. Seramai 279 orang pelajar menyertai Program *Family Day* ini. Dengan adanya anjuran aktiviti ini, para pelajar dapat mempertingkatkan lagi keyakinan diri dan pergaulan di kalangan setiap peserta yang mengikuti program tersebut. Selain itu, pelajar juga dapat meningkatkan ciri kepimpinan dalam melaksanakan tugas yang di amanahkan kepada mereka. Di samping itu, program ini dianjurkan bagi merapatkan hubungan silaturahim di antara semua pelajar serta pensyarah FPP UiTM Kampus Mukah.

Dari segi perincian program, ia telah bermula dengan pendaftaran pelajar dan pembahagian kumpulan. Pelajar telah diberi kain yang terdiri daripada pelbagai warna untuk membezakan diri mereka. Setelah dibahagikan kepada beberapa kumpulan, persembahan zumba oleh pelajar D'BES Semester 2 dimulakan. Selesai sahaja sesi zumba, AJK peralatan sukan menjelaskan tentang empat jenis permainan yang akan dimainkan iaitu XO, Boling Kelapa, *Protect the Balloon* dan Sintau. Permainan ini berlangsung sehingga pukul 4.30 petang. Sementara permainan sedang berlangsung, AJK makanan telah menyediakan tempat memanggang untuk aktiviti BBQ pada malam nanti.

Majlis makan malam bermula dengan ketibaan Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan Perniagaan, Encik Muhammad Musa diiringi oleh Penasihat Persatuan D'BES serta para pensyarah jemputan. Encik Muhammad Musa telah memberikan sedikit kata-kata aluan dan seterusnya merasmikan program tersebut. Program diteruskan dengan jamuan makan malam dan turut diserikan dengan beberapa persembahan daripada pelajar. Mereka terdiri daripada pelajar BA111 iaitu kumpulan busking yang dikenali sebagai *Busker To The Moon* dan ternyata persembahan mereka telah menghiburkan suasana pada malam tersebut. Program berakhir dengan aktiviti cabutan bertuah dan seterusnya sesi penyampaian hadiah di mana Kumpulan Oren telah berjaya meraih tempat pertama. Sebelum program bersurai, sesi bergambar turut diadakan bersama semua peserta, ahli jawatankuasa serta pensyarah-pensyarah yang hadir.



Secara keseluruhannya, Program *Family Day* telah mencapai matlamat serta objektif yang telah disenaraikan di samping mendapat sambutan yang meriah daripada para pelajar. Ahli jawatankuasa juga telah memberi kerjasama yang baik dan produktif untuk sama-sama menayakan program ini. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua warga UiTM Kampus Mukah!

Pada 25 hingga 26 November 2017, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menghantar satu pasukan Bola Jaring untuk menyertai Kejohanan Bola Jaring Terbuka Peringkat Bahagian Mukah 2017 anjuran Pejabat Belia dan Sukan Bahagian Mukah serta Kelab Bola Jaring Mukah. Kejohanan yang bertempat di Dewan Tertutup Kem Belia Mukah ini telah berlangsung selama dua hari bermula daripada jam 7 pagi sehingga 5 petang. Pasukan tersebut terdiri daripada 10 orang pelajar dan seramai 14 kumpulan dari seluruh Bahagian Mukah telah menyertai Kejohanan tersebut.

Objektif penyertaan Kejohanan ini adalah untuk mencungkil bakat pelajar-pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah di dalam sukan Bola Jaring dan juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar tersebut untuk menimba pengalaman beraksi di luar kampus dan seterusnya menaikkan nama UiTM Kampus Mukah di Peringkat Bahagian Mukah. Pasukan Bola Jaring UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah berjaya meraih Naib Johan dengan keputusan perlawanan akhir 14-16. Pemenang telah mendapat piala, medal berserta wang tunai. Kejohanan tersebut telah mendapat sambutan yang baik di mana para peserta berasa gembira dan kelihatan bersemangat sepanjang Kejohanan berlangsung. Semoga Pasukan Bola Jaring UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah akan terus bergiat aktif dalam kejohanan seperti ini dan seterusnya mencapai keputusan yang cemerlang di peringkat yang lebih tinggi.

KEJOHANAN BOLA JARING TERBUKA PERINGKAT BAHAGIAN MUKAH 2017

Oleh: Tracy Adeline anak Ajol




1st International Business Futsal Tournament

By: Christina Tony

On 21 April 2018, the International Business Club Committee under the leadership of Muhamad Amir Akmal Bin Zahir organised the 1st IBiZ Futsal Tournament. Eighty students from different faculties took part in the event held at FSR Padang Futsal from 8.00 am to 6.30 pm. The objective of this event was to get all the students to meet new friends from different faculties. At the same time, this event helped students to showcase their talent in sports and learn about fair play. In other words, all teams learnt about good teamwork. The tournament started at 10.00 am. Participating in this tournament were ten teams which were Sportivo, An-Nur, Dragon, ManokPuteh, Skyvangers and others. Towards the end of the tournament, all the participants showed great unity and great commitment to their teams.

This event, which ended at 6.30 pm, saw An-Nur team winning the championship followed by Skyvangers winning the 2nd place. No injury was reported throughout the tournament.

We were so grateful that all the participants had so much fun. In future, we hope there will be more participation from other students. It was suggested that we open the tournament to female futsal players as well. We wish to thank the committee for giving their best to make sure the tournament was successful. Special thanks go to Madam Zalina Ibrahim for being a great club advisor.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my